

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 8 Jun 2023



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI PERANGKAAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA APRIL 2023

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 13.7 peratus pada April 2023

PUTRAJAYA, 8 Jun 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, April 2023**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, pengeluaran getah asli menurun 13.7 peratus pada bulan April 2023 (23,460 tan metrik) berbanding pada bulan Mac 2023 (27,188 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan peningkatan 3.4 peratus (April 2022: 22,695 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada April 2023 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (87.7%) berbanding sektor estet (12.3%).

Jumlah stok getah asli pada April 2023 menurun 4.5 peratus kepada 194,527 tan metrik berbanding 203,757 tan metrik pada Mac 2023. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 91.2 peratus diikuti kilang pengguna getah (8.7%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 37,728 tan metrik pada April 2023 menurun 17.6 peratus berbanding Mac 2023 (45,789 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 48.4 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada April 2023 diikuti Jerman (11.7%), Pakistan (5.6%), Türkiye (3.9%) dan Portugal (3.3%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM0.8 billion pada April 2023, menurun 32.6 peratus berbanding Mac 2023 (RM1.2 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 6.6 peratus (April 2023: 495.00 sen sekilogram; Mac 2023: 530.11 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun 0.7 peratus (April 2023: 465.21 sen sekilogram; Mac 2023: 468.68 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 0.1 peratus hingga 6.6 peratus. *World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) kekal USD 1.36/kg dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 2.5 peratus (daripada USD1.58/kg kepada USD1.54/kg).

Berdasarkan laporan *Malaysia Rubber Board Digest* pada April 2023, sentimen positif pasaran getah Kuala Lumpur didorong oleh beberapa faktor termasuk keyakinan dalam ekonomi China serta dasar yang menyokong; penurunan dalam pengeluaran getah asli tempatan; kenaikan harga minyak; tinjauan terhadap pertumbuhan global yang menggalakkan seperti dilaporkan oleh Bank Dunia; serta nilai ringgit yang kekal lemah berbanding U.S. Dollar.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data.

OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah *“Connecting the World with Data We Can Trust”*.


DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.

**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli April 2022 dan Mac - April 2023
(‘000 tan metrik)**




Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli April 2022 dan Mac - April 2023
(‘000 tan metrik)

(‘000 tan metrik)



(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
08 JUN 2023

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, 8th June 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA

APRIL 2023

Malaysia natural rubber production decreased by 13.7 per cent in April 2023

PUTRAJAYA, 8 June 2023 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, April 2023**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

According to the Department of Statistics Malaysia, Natural Rubber (NR) production decreased by 13.7 per cent in April 2023 (23,460 tonnes) as compared to March 2023 (27,188 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR increased by 3.4 per cent (April 2022: 22,695 tonnes). Production of NR in April 2023 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (87.7%) as compared to estates sector (12.3%).

Total stocks of NR in April 2023 decreased by 4.5 per cent to 194,527 tonnes as compared to 203,757 tonnes in March 2023. Rubber processors factory contributed 91.2 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (8.7%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 37,728 tonnes in April 2023, decreased 17.6 per cent as against March 2023 (45,789 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 48.4 per cent of total exports in April 2023 followed by Germany (11.7%), Pakistan (5.6%), Türkiye (3.9%) and Portugal (3.3%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a

value of RM0.8 billion in April 2023, a decrease of 32.6 per cent as compared to March 2023 (RM1.2 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Latex Concentrated recorded a decrease of 6.6 per cent (April 2023: 495.00 sen per kg; March 2023: 530.11 sen per kg) while Scrap decreased by 0.7 per cent (April 2023: 465.21 sen per kg; March 2023: 468.68 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) decreased between 0.1 per cent to 6.6 per cent. The World Bank Commodity Price Data has reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) remained USD1.36/kg and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 2.5 per cent (from USD1.58/kg to USD1.54/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest in April 2023, the positive sentiment of Kuala Lumpur rubber market was boosted by several factors which include optimism in China's economic recovery with its supportive policies; a decline in local NR production; gains in oil prices; encouraging global growth outlook reported by the World Bank; as well as the ringgit remained weak against the U.S. dollar.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Connecting the World with Data We Can Trust".

DOSM will release Preliminary GDP Estimates commencing the second quarter of 2023. This preliminary estimate is an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks in advance before the Quarterly GDP is released.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber April 2022 and March - April 2023
(‘000 tonnes)





Chart 2: Imports and exports of natural rubber April 2022 and March - April 2023
(‘000 tonnes)



Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
08 JUNE 2023